

DATE: 3 / 7 / 2008

# 30 barang peribadi dalam peti besi

BH - 3/7/2009

## Rais dedah artifak milik Almarhum Tunku Abdul Rahman di memorial

Oleh Nurhasyima Hasim  
[nurhasyima@bharian@bharian.com.my](mailto:nurhasyima@bharian@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Menteri kandungan peti besi milik Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Memorial Tunku Abdul Rahman akhirnya terungkap apabila Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, secara rasmi membukanya, semalam dan menemui hampir 30 barangan peribadi milik bekas Perdana Menteri pertama itu.

Antara kandungan peti besi seberat 300 kilogram itu ialah lapan kotak yang antara lain mengandungi barangan seperti jam tangan, dua syiling emas dengan satunya adalah hadiah daripada kerajaan Taiwan, selain yang tertera wajah Sultan Terengganu, Sultan Ismail Nasiruddin Shah di samping kancing pergelangan tangan baju atau kafling.

Turut ditemui, dua cenderahati berbentuk kunci emas dari negara luar, barang perhiasan Persatuan Menembak yang dibuat pada 1970 dan

sekotak barangan yang mengandungi kira-kira 23 memorabilia emas seperti pen dan gunting.

Rais berkata, buat masa ini, Arkib Negara Malaysia akan membuat inventori dan mengambil gambar barang yang ditemui serta akan meminta bantuan pakar penilai bagi mengukur berat dan nilai barangan terbabit sebelum ia dilaporkan kepada Kabinet.

“Semua barang yang ada di dalam peti besi itu adalah milik Tunku Abdul Rahman dan peti besi ini sangat bersejarah kerana syarikat tukang kunci, Chubb safes mengambil masa kira-kira 30 minit menggerudi kunci pada peti besi ini bagi membolehkan ia dibuka.

“Tiada siapa menyangka ada artifak yang begitu bernilai tersimpan di dalam peti ini kerana ramai yang ingat ia mengandungi kertas lama,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas membuka peti besi berkenaan di sini, semalam. Hadir sama Ketua Setiausaha ke-



SEBAHAGIAN koleksi peribadi dalam peti besi milik Tunku Abdul Rahman.

menterian, Datuk Kamarudin Siaraf.

Mengenai sama ada barangan yang ditemui menjadi milik keluarga Tunku Abdul Rahman atau tidak, katanya, perkara itu tidak timbul kerana barangan di memorial

berkenaan adalah milik negara.

“Ini berkaitan hadiah kepada negara dan ia milik negara serta bukan lagi milik keluarga Tunku. Soal pemilik peribadi atau warisan keluarga tidak timbul. Malah,

pembukaan peti ini pun tidak dimaklumkan kepada keluarganya. Arkib Negara akan pameran artifak yang ditemui selepas urusan memaklumkan perkara ini kepada jemaah menteri selesai,” katanya.